

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 03/05/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

ANGKASA Wujud Kaedah Pemasaran Atas Talian

SEREMBAN, 3 Mei (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) mewujudkan kaedah pemasaran secara atas talian melalui laman MAYA2u.com bagi memantapkan lagi aktiviti pemasaran produk kalangan usahawan koperasi di negara ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pihaknya mengambil inisiatif mewujudkan portal terbabit bagi membantu koperasi memasarkan produk bukan sahaja di pasaran tempatan malah di peringkat global.

"Laman MAYA2U.com itu baharu diwujudkan awal bulan lepas dan setakat ini sebanyak 9,000 koperasi sudah didaftarkan dalam portal berkenaan.

Portal ini yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu komuniti dan perniagaan juga memberi peluang kepada ahli koperasi berhubung antara satu sama lain dalam usaha bertukar pengalaman untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka," katanya kepada pemberita pada Majlis Dialog Koperator Wanita Negeri Sembilan 2017 di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sembilan Datuk Ibrahim Abdullah.

Katanya aspek pemasaran merupakan antara punca produk sesetengah koperasi sukar mendapat tempat dan penggunaan kaedah terbaharu ini akan meluaskan lagi aktiviti perniagaan selain merapatkan hubungan antara sesama ahli.

Beliau berkata pihaknya menyasarkan seramai satu juta ahli koperasi di bawah naungan ANGKASA akan dapat didaftarkan dalam portal terbabit menjelang akhir tahun ini.

"Saya berharap menerusi pengwujudan portal ini, lebih banyak koperasi dapat bersaing ke peringkat global kerana portal itu kelak akan dihubungkan dengan rangkaian koperasi di luar negara terutama negara ASEAN," katanya.

-- BERNAMA